



16<sup>TH</sup> OCTOBER

KENYATAAN AKHBAR

### **PEMBANGUNAN SEMULA BUKIT BINTANG PLAZA, KUALA LUMPUR**

Kuala Lumpur: UDA Holdings Berhad (UDA) dan Tradewinds akan membangunkan semula Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) selaras dengan kemajuan bandar dan ekonomi. Pembangunan persekitaran BB Plaza di masa kini sedang mengalami evolusi yang drastik sehingga mentransformasi lanskap kawasan persekitaran menjadi kawasan yang ultra-modern sesuai dengan gaya hidup.

Pembangunan semula ini juga selaras dengan bangunan pencakar langit di sekitar BB Plaza termasuklah bangunan-bangunan mewah dan pusat retail seperti The Pavillion, Lot 10, Sungai Wang Plaza, dan Berjaya Times Square.

Seiring dengan evolusi ini, BB Plaza juga harus ikut bertransformasi agar dapat berdaya saing. Ini juga adalah sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang akan menjadikan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang sebagai penjana ekonomi yang utama bagi Negara.

Dengan usahasama strategik bersama Tradewinds, pelan pembangunan semula BB Plaza ini merangkumi pembinaan ruang komersial, apartmen berservis dan juga pusat membeli belah yang mana UDA akan turut mengurus dan mengawal selia. Pembangunan semula ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

Sehubungan dengan ini, UDA telah berusaha menyelesaikan beberapa isu dengan para penyewa untuk memudahkan, mengosongkan dan membantu pemindahan mereka pada penghujung tahun 2014. Di antara usaha-usaha UDA termasuklah mengadakan beberapa pertemuan dengan para penyewa bersama YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada masa itu dan pihak MRT seawal Julai 2012 lagi. Pada masa itu, para penyewa juga telah meminta untuk berurusan secara langsung dengan pihak MRT berikutan dengan pembinaan MRT yang telah menjejaskan perniagaan para penyewa tersebut. UDA juga memberi pengurangan sewaan sebanyak 20 peratus sehingga kini, malah ada penyewa yang masih banyak tertunggak bayaran sewa bulanan.

Notis terakhir perpindahan telah pun berkuatkuasa selama 12 bulan bermula dari Januari ke Disember 2014, dan perkara ini telah dimaklumkan kepada semua penyewa oleh pihak UDA pada bulan September 2013. Para peniaga yang layak di alu-alukan untuk menyewa ruang komersial di Pudu Sentral atau Pertama Kompleks.

BB Plaza dalam keadaan usang sekarang adalah kurang selamat untuk didiami kerana kerja-kerja bawah tanah pembinaan MRT sedang dilaksanakan. Pihak UDA juga akan berpindah ke Pertama Kompleks secara berperingkat dan dijangka akan selesai sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Tamat

#### **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan antara organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset terulung negara. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut tentang UDA, sila layari [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

#### **Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Puan Radziah Mohamed Fadzil  
Corporate Communications  
UDA HOLDINGS BERHAD  
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang,  
55100, Kuala Lumpur  
Tel : 03- 2730 8595  
Faks : 03- 2731 2855  
Email : [radziah@udanet.com](mailto:radziah@udanet.com)  
H/P : 017- 337 7630